



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup



PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA
INTELLECTUAL PROPERTY CORPORATION OF MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

MyIPO TEGASKAN KOMITMEN TERHADAP PENGURUSAN HAK CIPTA DI MALAYSIA

PETALING JAYA, 10 FEBRUARI 2025 – Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) ingin menegaskan bahawa komitmen berterusan dalam memperkukuh sistem perlindungan harta intelek negara, termasuk aspek penguatkuasaan undang-undang hak cipta yang komprehensif terus didukung dengan sebaiknya.

MyIPO yang diperbadankan pada tahun 2003, bertanggungjawab memastikan pentadbiran perundangan harta intelek, termasuk Akta Hak Cipta 1987, dilaksanakan dengan cekap. Ini meliputi pelesenan hak cipta, pengurusan Tribunal Hak Cipta, serta tindakan terhadap pelanggaran perundangan berkaitan. Manakala, tugas penguatkuasaan secara langsung terhadap kesalahan melibatkan Akta Hak Cipta 1987 serta Akta Cap Dagangan 2019 dan Akta Cakera Optik 2000 dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDN.

Malaysia melalui MyIPO turut menganggotai beberapa triti antarabangsa berkaitan dengan perundangan hak cipta selaras dengan keperluan semasa dunia seperti Konvensyen Berne, WIPO Copyright Treaty (WCT) dan WIPO Performances and Phonograms Treaty (WPPT). Seiring dengan perkembangan ini, pindaan undang-undang hak cipta telah dilaksanakan pada tahun 2012, 2020, dan 2022 bagi memastikan perlindungan hak cipta kekal relevan dan efektif.

Pindaan Akta Hak Cipta 1987 pada tahun 2022 telah membawa perundangan hak cipta di Malaysia seiring dengan amalan antarabangsa yang memberi penekanan kemudahan dan faedah kepada orang dengan ketidakupayaan bagi bahan cetakan hak cipta dengan penyertaan kepada triti antarabangsa Marrakesh. Selain kesertaan di bawah Triti Marrakesh, Malaysia memperluaskan punca kuasa pematuhan ke atas Organisasi Pengurusan Kolektif (CMO) dengan meletakkan instrumen pembaharuan perisytiharan setiap dua (2) tahun sekali, pengenaan surcaj ke atas kelewatan dalam mengemukakan dokumen pembaharuan dan mewujudkan peruntukan baharu iaitu mewujudkan garis panduan mengenai perisytiharan, pengoperasian dan pentadbiran CMO.

Penguatkuasaan kepada apa-apa bentuk pelanggaran dan kesalahan juga merupakan satu bentuk perundangan yang telah dikemaskini agar selari dengan amalan antarabangsa. Malaysia tidak ketinggalan dengan memperkemaskan perundangan hak cipta melalui peruntukan berkenaan kesalahan yang berhubungan dengan teknologi penstriman dan meletakkan satu bentuk kesalahan terhadap apa-apa perkongsian kandungan salinan langgaran secara dalam talian tanpa kebenaran.

Kajian perundangan juga akan terus mengambil kira aspek domestik dan keperluan antarabangsa serta kemampuan kementerian berkaitan bagi memastikan pelaksanaan penguatkuasaan yang cekap dan pematuhan terhadap triti antarabangsa.

MyIPO menyarankan pemilik hak cipta agar proaktif menggunakan hak mereka dengan sepenuhnya mengeksploitasi karya mereka melalui medium yang sah. Harta intelek adalah harta persendirian, maka menjadi tanggungjawab pemilik untuk mengamalkan hak mereka dan memanfaatkan semua platform yang tersedia termasuk Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) atau Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) CMO bagi menyuarakan sebarang ketidakpuasan. Tribunal Hak Cipta turut tersedia sebagai platform untuk menangani pertikaian royalti antara ahli dan CMO. Kita turut menggalakkan penggiat seni untuk terus berkarya bagi kekal relevan dalam industri kreatif serta mendalami ilmu berkaitan hak cipta dan cara untuk melindungi serta memanfaatkan hak mereka sepenuhnya.

Berhubung kenyataan oleh Encik Mohd Arif Kendut atau lebih dikenali sebagai Ito, yang mendakwa tidak menerima agihan royalti selama 10 tahun, semakan rekod menunjukkan beliau telah menerima hasil agihan royalti sebagai ahli kepada *Performers Rights and Interest Society of Malaysia Berhad* (PRISM) yang ditadbir oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (Mdl) bagi agihan royalti tertunggak 2018. Oleh itu, dakwaan tersebut tidak selari dengan rekod yang ada.

Bagi memastikan pelaksanaan prinsip *Transparency, Accountability and Good Governance* (TAG) dalam industri muzik, Garis Panduan Hak Cipta (Organisasi Pengurusan Kolektif) 2025 telah diterbitkan pada 17 Januari 2025 dan akan berkuat kuasa mulai 16 Januari 2026. Garis panduan ini bertujuan memastikan operasi CMO dilaksanakan secara telus dan menjaga kepentingan ahli. Tempoh penangguhan pelaksanaan garis panduan ini adalah untuk memastikan industri muzik mempunyai ekosistem yang stabil dan mampan pada masa hadapan. Kegagalan mematuhi garis panduan ini boleh membawa kepada pembatalan status CMO.

MyIPO akan terus bekerjasama dengan kementerian serta agensi berkaitan, termasuk mengalu-alukan keterlibatan aktif penggiat seni bersama pemain industri bagi memastikan pengurusan harta intelek yang adil dan cekap. Pendekatan secara inklusif ini diharap mampu membawa perubahan yang berdaya saing tinggi kepada industri kreatif serta meningkatkan sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut mengenai kenyataan media, sila hubungi:

ENCIK AKHTAR BIN SAHARI
Ketua Komunikasi Korporat
T: 012-6725667
E: akhtar@myipo.gov.my

CIK EMELIADIANA BINTI ALAWI
Pengawai Komunikasi Korporat
T: 011-19815143
E: emeliadiana@myipo.gov.my

Perbadanan Harta Intelek Malaysia,
Menara MyIPO, PJ Sentral,
Lot 12, Persiaran Barat, Seksyen 52,
46200 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 603 – 7496 8900
Emel : ipmalaysia@myipo.gov.my
Laman web : <http://www.myipo.gov.my>

PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MyIPO)

MyIPO merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bertanggungjawab untuk pembangunan dan pentadbiran sistem hak harta intelek (IPR) di Malaysia. MyIPO menyediakan infrastruktur perundangan yang kukuh dan sistem pentadbiran yang berkesan untuk meningkatkan inovasi dan kreativiti.